

28 OCT 1999

SELATAN-SELATAN-KERJASAMA

BENUA AFRIKA TAWAR BANYAK PELUANG PELABURAN BARU

Oleh Mohd Rizal Razalli

KUALA LUMPUR, 28 Okt (Bernama) -- Benua Afrika menawarkan banyak peluang pelaburan baru bagi pelabur-pelabur Asia dalam bahagian-bahagian penting terutamanya pembinaan prasarana, kata seorang menteri Afrika Selatan.

Dr Essop Pahad, Menteri Di Jabatan Presiden Afrika Selatan berkata pelabur-pelabur juga boleh meneroka peluang dalam kegiatan hiliran dan tokokan nilai dalam sektor sumber bahan galian.

"Sebagai contohnya, Nigeria adalah satu daripada pengeluar minyak mentah yang berkualiti tinggi di dunia manakala Angola pula mempunyai banyak simpanan minyak," katanya.

Afrika Selatan, katanya, tetap unggul sebagai pengeluar emas, platinum, berlian, aluminium dan zink terbesar di dunia.

Dr Pahad, yang berada di Malaysia kerana menghadiri Forum Perniagaan Asia-Afrika yang berakhir pada Jumaat ini berkata, kerjasama Selatan-Selatan, di mana konsepnya telah diterima, mestilah mengguna pakai lebih banyak pendekatan berorientasikan praktikal bagi memastikan kejayaannya.

Beliau berkata daripada segi teorinya tiada masalah untuk menerima konsep kerjasama Selatan-Selatan tetapi kerjasama seumpama itu mestilah mengambil langkah yang tegas dan praktikal bagi memastikan penerokaan yang berdaya maju.

Negara-negara Selatan, katanya, sangat memerlukan kerjasama seumpama itu.

Kerjasama Selatan-Selatan diilhamkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Pahad berharap kerajaan Afrika Selatan dan Malaysia akan menerajui usaha ke arah "mempercepatkan praktikal" dalam kerjasama selatan-selatan.

Beliau berkata sudah menjadi keperluan bagi negara Selatan-Selatan mencari jalan untuk bekerjasama bagi membincangkan isu-isu asas berkaitan ekonomi dunia.

Menurutnya jika negara-negara Selatan utama seperti China, India dan Malaysia mampu duduk berbincang dan bekerjasama, impak negara-negara Selatan-Selatan ke atas pembangunan dunia adalah lebih besar.

Dr Pahad berkata satu daripada masalah ekonomi paling utama yang dihadapi oleh negara Selatan-Selatan adalah menyelesaikan hutang negara-negara termiskin.

Menurutnya negara Selatan-Selatan juga harus menangani persoalan-persoalan yang menyelubungi pembaharuan sistem kewangan global.

"Malaysia nampaknya mendahului dalam soal itu daripada kalangan negara-negara kecil dan sederhana dalam menentukan kadar pertukaran mereka sendiri," katanya.

Malaysia telah mengenakan kawalan modal selektif termasuk menetapkan matawangnya kepada RM3.80 berbanding satu dolar Amerika, bagi melindungi daripada serangan pedagang matawang.

Dr Pahad berkata kawalan pertukaran asing Malaysia telahpun menyediakan bahan material yang mencukupi bagi negara Selatan-Selatan untuk membincangkannya.

Beliau juga berkata Afrika Selatan dan Malaysia berkongsi banyak pandangan yang sama.

Sebagai contoh, beliau berkata dalam mesyuarat Komanwel di Durban baru-baru ini, Malaysia dan Afrika Selatan berkongsi pandangan yang sama

dalam semua isu-isu utama yang dihadapi dunia.

"Tetapi dalam masa yang sama, kedua-duanya tetap berpegang dengan pemahaman teguh bahawa berkaitan isu-isu dalaman, mereka akan menangani daripada segi perspektif sendiri," katanya.

-- BERNAMA

RIZ ZK